

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod : 1223/2
Markah : 100
Masa : 1 jam 40 minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

- Mengandungi 5 soalan subjektif
- Calon dikehendaki menjawab semua soalan
- Jumlah markah : 100 markah
- Cakupan konteks : Ayat al-Quran dan hadis kefahaman, hafazan, tajwid dan Jawi
- Konstruk : Pengetahuan 30%, Pemahaman 30%, Kemahiran 40%

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhan, calon yang berprestasi cemerlang mampu menjawab soalan dengan jelas, tepat dan mengikut kehendak soalan. Mereka juga boleh menguasai sukatan pelajaran, huraian sukatan, isi kandungan dan kemahiran soalan yang dikemukakan. Manakala calon sederhana dapat menjawab soalan dengan baik serta menguasai sebahagian isi sukatan pelajaran, huraian sukatan, isi kandungan dan kemahiran soalan. Walau bagaimanapun calon lemah masih gagal memahami soalan, kurang menguasai isi kandungan pelajaran dan tidak menguasai kemahiran al-Quran, kemahiran tajwid dan kemahiran jawi.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Kumpulan Tinggi**

Calon dalam kumpulan ini menulis jawapan dengan kemas dan tersusun dan mengemukakan isi jawapan dengan huraian yang menarik dan olahan yang baik. Jawapan calon menunjukkan calon menguasai pengetahuan dan kemahiran berfikir aras tinggi. Calon ini mengemukakan jawapan yang menepati dengan tugas soalan tilawah dan hadis kefahaman berkaitan maksud, hikmah, kesan, contoh, ciri, cara mengatasi, sebab larangan, pengajaran, kemahiran membaca dan menulis jawi, kemahiran hafazan dan kemahiran tajwid. Sebahagian besar calon mengemukakan alternatif jawapan yang lebih daripada yang dikehendaki.

Calon ini menulis jawi dengan baik dan menyusun dan melengkapkan tilawah hafazan dengan betul dan tepat sebagaimana dalam al-Quran. Calon mampu mengemukakan jawapan yang bersesuaian dengan laras bahasa dan menepati konsep pengajaran bagi soalan pengajaran ayat dan hadis. Calon ini juga dapat mempersembahkan jawapan yang tepat yang menunjukkan mereka menguasai hukum tajwid dan cara bacaan dengan baik.

Calon kumpulan ini menulis dengan kemas dan mudah dibaca. Jawapan calon menggambarkan mereka menguasai dan menghayati tajuk dengan pelbagai konstruk seperti pengetahuan, pemahaman, kemahiran dengan baik. Calon juga berjaya menjawab soalan pelbagai aras rendah, sederhana dan tinggi dengan cemerlang.

Kumpulan Sederhana

Sebahagian calon dapat menjawab soalan dengan baik serta menguasai teknik menjawab dengan baik. Walau bagaimanapun terdapat sebahagian soalan yang gagal dijawab oleh calon, khususnya dalam bahagian ayat dan hadis kefahaman serta tajwid. Calon gagal memberi olahan jawapan yang lengkap kerana tidak memahami kata tugas soalan. Terdapat juga sebahagian calon yang dapat memberi alternatif jawapan tetapi faktanya berulang-ulang. Dalam soalan menjawikan, calon menulis tidak mengikut kaedah Jawi Dewan Bahasa dan Pustaka.

Calon kumpulan ini secara keseluruhannya dapat menjawab sebahagian ceraihan soalan dengan baik mengikut kehendak soalan. Walau bagaimanapun calon tidak dapat mengemukakan jawapan yang tepat berkaitan soalan pengajaran ayat dan hadis, hukum tajwid serta menjawikan petikan. Ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran dengan baik. Sebahagian calon yang lain mengemukakan isi jawapan yang meleret sehingga memerlukan tafsiran pemeriksa. Sesetengah calon yang lain memberi alternatif jawapan yang banyak tetapi faktanya berulang. Calon tidak mengikut Kaedah Jawi Dewan Bahasa dan Pustaka sepenuhnya semasa menjawab soalan menjawikan petikan. Pada keseluruhannya calon dalam kumpulan ini berjaya menguasai dan memahami tajuk yang diuji tetapi kerana cuai semasa menjawab menyebabkan mereka gagal mengemukakan jawapan yang baik.

Kumpulan Rendah

Calon ini tidak dapat menjawab soalan dengan tepat mengikut kehendak soalan. Sebahagian calon tidak menguasai isi pelajaran seperti maksud, hikmah, kesan, contoh, ciri, cara mengatasi, sebab larangan, pengajaran, kemahiran membaca dan menulis jawi, kemahiran hafazan dan kemahiran tajwid. Calon juga tidak menguasai isi pelajaran dengan baik. Calon tidak menghafaz ayat hafazan menyebabkan mereka tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Calon juga tidak menguasai kemahiran tajwid dan jawi.

Sebilangan kecil calon hanya menyalin soalan tanpa mengemukakan jawapan. Terdapat calon yang cuba menjawab soalan tetapi jawapan yang diberikan menyimpang daripada jawapan sebenar. Bahasa yang digunakan tidak jelas dan kadang-kadang tidak difahami. Jawapan calon juga tidak kemas serta kadang kala sukar dibaca. Jawapan calon hanya tertumpu kepada soalan satu atau soalan dua sahaja. Ceraihan soalan yang lain langsung tiada sebarang jawapan contohnya soalan menjawikan dan tajwid.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1

1 (a) Firman Allah SWT:

قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ
إِنْ أَتَيْتُمْ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿50﴾
(Surah al-An'am: 50)

Ayat di atas menerangkan hanya Allah SWT mengetahui perkara ghaib dan kewajiban rasul menyampaikan wahyu.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Apakah maksud perkara ghaib?

a) i) Perkara ghaib ialah perkara yang tidak boleh dilihat oleh
pancaindera manusia dan hanya boleh diketahui melalui
Al-Quran dan Al-Sunnah.

Calon mengemukakan jawapan yang tepat, jelas, lengkap dan menepati kehendak soalan. Calon memahami kehendak soalan iaitu maksud perkara ghaib dengan baik. Ini menunjukkan calon menguasai kandungan surah al-A'am ayat 50 dengan baik.

Perkara ghaib ialah perkara yang tidak
boleh dilihat oleh mata kasar manusia
dan hanya diketahui oleh Allah.

Calon mengemukakan jawapan yang hampir tepat tetapi sebahagian jawapan tidak dinyatakan dengan terperinci. Calon ini mempunyai kefahaman yang agak terhad mengenai mengenai kefahaman ayat di atas.

Maksud ghaib ialah sesuatu alam yang manusia
tidak nampak melihat dengan menggunakan mata
kasar.

Calon ini mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada yang dikehendaki. Soalan meminta calon menjelaskan maksud perkara ghaib tetapi jawapannya langsung tidak berkaitan. Ini menunjukkan calon keliru dengan fokus soalan akibat tidak menguasai pelajaran dan tidak memahami kehendak soalan.

Soalan 1(a)

(ii) Nyatakan **dua** contoh perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah SWT.

ii) 2 contoh perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah SWT:

- Rezeki seseorang individu.

- Ajal seseorang individu.

- Jodoh dan takdir seseorang.

- ~~Nasib~~ Nasib seseorang.

- Bila berlakunya hari kiamat.

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang banyak. Pilihan jawapannya tepat, jelas dan disusun dengan rapi. Calon ini memahami dan menguasai kehendak soalan (contoh perkara ghaib) dengan baik. Ini menunjukkan calon dapat menghayati isi pelajaran surah al-An'am ayat 50 dalam kehidupan seharian mereka.

(ii) Dua contoh perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah S.W.T:

i. dosa dan pahala.

ii. waktu hari kiamat berlaku.

Calon mengemukakan jawapan yang hampir tepat. Ini menunjukkan bahawa calon kurang memahami tugas soalan yang meminta calon mengemukakan contoh tetapi calon mengemukakan secara umum.

Nyatakan dua contoh perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah S.W.T

besabda rasullah ~~SWA~~ S.A.W ingin mengetahuinya.

Calon ini mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Soalan menghendaki contoh perkara ghaib tetapi calon mengemukakan jawapan yang tiada kaitan langsung dengan tugas soalan.

Surah al-an'am ayat 50

Soalan 1(a)

(iii) Terangkan **dua** peranan rasul kepada manusia.

ii) 2 peranan rasul kepada manusia.

- Rasul berperanan membetulkan akidah manusia agar manusia berada di landasan agama Islam yang benar dan lurus
- Rasul berperanan menunjulkan contoh yang baik kepada manusia agar manusia dapat menjadikan Rasul sebagai teladan untuk melakukan kebaikan.
- Rasul berperanan mengajar manusia beribadat dengan sempurna supaya tidak timbul kekeliruan dalam kalangan manusia tentang cara beribadat yang betul.

Calon mengemukakan pilihan jawapan yang banyak dan menepati dengan konsep soalan peranan iaitu tugas-tugas rasul kepada manusia. Alternatif jawapan disusun rapi, dengan huraian yang lengkap dan terperinci serta mantap memenuhi tuntutan soalan terangkan yang memerlukan isi dan huraian.

Peranan rasul kepada manusia ialah:

- membimbing manusia ke jalan yang benar.
- membimbing manusia ke arah kebahagiaan
- menyampaikan berita gembira dan buruk.
- membetulkan akidah manusia.
- mengajar manusia beribadat.

Calon mengemukakan jawapan yang menepati dengan tugas soalan iaitu peranan tetapi berulang. Ini menunjukkan calon menguasai isi pelajaran surah al-An'am. Calon ini juga hanya menulis jawapan tanpa huraian. Alternatif jawapan yang ditulis dengan ringkas tanpa huraian. Ini menunjukkan calon tidak menyesuaikan kehendak tugas iaitu terangkan yang mengemukakan isi dan huraian.

Terangkan dua peranan rasul.

rasul ingin mengetahui hambanya

kitab suci al-Quran menerangi peggajaran.

Calon ini pula mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Calon ini langsung tidak memahami konsep peranan. Justeru mereka hanya menulis mengikut tekaan semata-mata. Ini menunjukkan calon gagal menguasai kehendak soalan dan isi pelajaran surah al-An'am ayat 50 iaitu peranan rasul.

Hadis: Makanan yang baik

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا، وَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ. ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبُّ يَا رَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لَهُ.

(رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan makanan yang halal dan haram memberi kesan kepada ibadah seseorang.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Senaraikan **dua** ciri makanan yang haram.

b) i) 2 ciri makanan yang haram:

- Makanan yang kotor
- Makanan yang tidak berkhasiat
- Makanan yang memudaratkan kesihatan tubuh badan.
- ~~Makanan yang di~~ Daging yang tidak disembelih
- Makanan yang disembelih tanpa menyebut nama Allah.

Calon mengemukakan jawapan yang baik dan menepati kehendak soalan iaitu ciri makanan yang haram. Mereka juga mengemukakan pilihan jawapan yang banyak dan disusun dengan baik dan teratur. Ini menunjukkan calon ini menguasai isi pelajaran hadis (makanan yang baik) dengan baik. Calon ini jelas memahami konsep ciri dengan baik dan mantap.

Ciri makanan yang haram:

- memudaratkan tubuh badan
- beracun
- terdapat nas yang menunjukkan ia haram
- ~~tidak~~ disembelih oleh ~~ese~~ orang bukan Islam.
- ~~hanya~~ bercampur dengan yang haram.

Calon mengemukakan pilihan jawapan yang terhad. Pilihan jawapan itu pula menunjukkan calon keliru antara ciri dengan contoh. Ini menunjukkan calon kurang menguasai mereka kurang menguasai isi pelajaran (hadis makanan yang baik) dan memahami dengan baik konsep ciri dalam tugas soal.

D) Senaraikan dua ciri makanan yang haram.

- contoh daging babi dilarang dimakan oleh orang Islam
- babi, biawak dan lain-lain.

Calon mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan yang meminta ciri makanan yang haram sebaliknya mereka menjawab jawapan contoh. Ini menunjukkan calon keliru antara konsep ciri dan contoh. Pilihan jawapan ini menggambarkan calon gagal memahami konsep ciri.

Hadis: Makanan yang baik

(ii) Jelaskan dua cara anda mengenal pasti makanan yang halal di pasaran.

(ii) Dua cara saya mengenal pasti makanan halal di pasaran ialah

- dengan memastikan terdapat logo halal yang diperakui oleh JAKIM bagi mengelakkan perasaan was-was
- dengan memastikan pengusaha makanan tersebut adalah seorang Islam yang menuruti syariat agama.
- dengan sentiasa melayari laman sesawang JAKIM bagi mendapatkan informasi sahih dan mutakhir berkenaan makanan halal dan haram
- dengan hanya memilih makanan berzat yang tidak dilarang memakannya berdasarkan Al-Quran dan Hadis.

Calon mengemukakan pilihan jawapan yang jelas dan menepati tugas soal. Calon juga menulis alternatif jawapan yang banyak serta tepat. Ini menunjukkan calon memahami dan menghayati konsep (cara) dengan baik. Calon ini juga menguasai isi pelajaran hadis makanan yang baik dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

(ii) Dua cara mengenal pasti makanan yang halal di pasaran :

- i. memastikan ~~ada~~ terdapat logo halal pada ~~ada~~ paket makanan.
- ii. memastikan bahan untuk membuat sesuatu makanan itu telah diluluskan oleh pihak jabatan agama Islam dan selamat dimakan.

Calon mengemukakan jawapan yang hampir tepat tetapi terhad dan berulang. Ini menunjukkan calon kurang menguasai isi pelajaran hadis. Calon juga agak keliru dengan konsep tugas cara yang menghendaki mereka memulakan jawapan dengan kosa kata perbuatan atau tindakan.

ii) - mempunyai logo halal yang disahkan oleh JAKS

- tidak menjual khinzir dan alkohol di kedai terbabit.

Calon mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Soalan meminta respon cara tetapi calon mengemukakan jawapan ciri. Ini menunjukkan calon tidak memahami tugas soalan iaitu cara menguasai isi kandungan hadis makanan yang baik.

Hadis: Makanan yang baik

Soalan 1 (b)

(iii) Jelaskan akibat memakan makanan yang haram.

(ii) Akibat memakan makanan haram ialah :-

- Ibadah tidak diterima Allah SWT kerana asas penerimaan ibadah juga berpunca dari makanan yang halal.
- Kesihatan diri terjejas kerana makanan haram boleh memudaratkan kesihatan tubuh badan.
- Doa tidak dimakbulkan Allah SWT kerana Allah hanya mengasihani hambaNya yang menjaga pemakanannya.
- Mendapat kemurkaan Allah SWT kerana makanan haram tidak sewajarnya menjadi santapan orang Islam.

Calon mengemukakan pilihan jawapan yang banyak dan ditulis dengan jelas dan tepat sebagaimana yang dikehendaki tugas soalan. Ini menunjukkan calon memahami dan menghayati konsep (soalan akibat) iaitu isi negatif dengan baik. Calon ini juga menguasai isi pelajaran hadis makanan yang baik dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Akibat memakan makanan yang haram :

- ibadat tidak diterima.
- doa tidak dimakbulkan.
- sukar menuntut ilmu
- mendapat dosa.
- akhlak menjadi buruk.
- hati tidak tenang.
- kehidupan tidak diredhai oleh Allah

Calon mengemukakan sebahagian jawapan yang mengikut kehendak soalan iaitu akibat tetapi jawapannya terhad dan berulang. Ini menunjukkan calon kurang menguasai isi pelajaran hadis dengan pengetahuan yang terhad.

iii) - berdosa

- amalan tidak sah

Calon mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Soalan meminta calon menulis akibat tetapi calon mengemukakan jawapan yang langsung tiada perkaitan dan tidak difahami. Ini menunjukkan calon tidak memahami konsep akibat kerana mereka gagal menguasai isi kandungan hadis.

Soalan 1 (c) Susunan semula potongan ayat

(e) Susun semula potongan ayat di b 12232 -26 ertib seperti dalam al-Quran.

Anda dikehendaki menulis nombor sanaja.

| | |
|---|--|
| 1 | حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنًا عَلَىٰ وَهْنٍ |
| 2 | وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ |
| 3 | وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ |
| 4 | وَفَصَّلْهُ فِي غَمٍّ أَنْ أَشْكُرَ لِي |

(Surah Luqman: 14)

2, 1, 4, 3

Calon mengemukakan jawapan yang tepat sebagaimana dalam al-Quran. Ini menunjukkan calon menguasai ayat hafazan surah Luqman ayat 14 dengan baik.

4, 1, 2, 3

Calon mengemukakan jawapan yang sebahagian betul. Ini menunjukkan calon cuma meneka jawapan sahaja kerana mereka kurang menguasai ayat hafazan surah Luqman ayat 14.

c) 3, 1, 2, 4

Calon ini mengemukakan jawapan dengan meneka. Ini menunjukkan calon tidak mengenal bacaan al-Quran justeru mereka tidak menghafaz.

Surah al-an'am ayat 125

Soalan 2(a) (i) Senaraikan dua golongan orang yang tidak mendapat hidayah

2 (a) Firman Allah SWT:

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ
صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي السَّمَاءِ ۚ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ
الرَّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾

(Surah al-An'am: 125)

Ayat di atas menjelaskan kepentingan hidayah dalam kehidupan seseorang.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Senaraikan **dua** golongan orang yang tidak mendapat hidayah.

[2 markah]

2 golongan yang tidak mendapat hidayah ialah

- Murtaad

- Asi

- Musyrik

- Munafik

Calon mengemukakan jawapan yang tepat, jelas, lengkap dan menepati kehendak soalan iaitu golongan yang tidak mendapat hidayah. Ini menunjukkan calon menguasai kefahaman surah al-an'am ayat 125. Calon ini juga memberi pilihan jawapan yang disusun dengan baik dan mudah difahami.

a) i) dua golongan orang yang tidak mendapat hidayah

a) orang yang mengingkari Perintah Allah

b) orang yang melanggar larangan Allah yang telah membuat dosa besar

Calon mengemukakan jawapan yang hampir tepat dengan kehendak soalan "golongan yang tidak mendapat hidayah". Ini menunjukkan calon kurang menguasai isi pelajaran surah al-an'am ayat 125.

2' a) i) Senaraikan dua golongan orang yang tidak mendapat hidayah.

- menuntut ilmu

- beramal soleh

Calon ini mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan iaitu tidak menepati kehendak soalan dan tidak menguasai tajuk "hidayah". Ini menunjukkan calon gagal menguasai isi pelajaran surah al-an'am ayat 125.

Soalan 2(a)

(ii) Nyatakan dua usaha anda untuk mendapatkan hidayah.

2 usaha untuk mendapatkan hidayah

- membaca al-Quran serta memahami maksudnya

- makan makanan yang halal

- tidak melakukan perkara maksiat

- solat fardhu lima waktu ^{pada} awal waktu

- menunaikan solat sunat

- mengamalkan ajaran al-Quran

- membaca al-Quran dengan bertajwid

Calon memberi pilihan jawapan yang banyak, tepat, jelas dan disusun dengan teratur dan kemas. Calon memberikan jawapan yang baik dengan mengemukakan banyak pilihan jawapan. Jawapan calon ini menunjukkan mereka memahami konsep usaha atau cara untuk mendapatkan hidayah dengan betul bersesuaian dengan isi pelajaran surah al-an'am ayat 125.

(ii) Dua usaha untuk mendapatkan hidayah. (2m)

- Sentiasa menunaikan solat fardhu.
- Rajin mengeluarkan zakat.
- sentiasa mengingati Allah SWT.

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang betul tetapi bilangan jawapan terhad dan mengulang jawapan seperti ibadat fardhu, ibadat zakat".

(ii) Nyatakan dua usaha anda untuk mendapatkan hidayah.

- cahaya petunjuk Allah diberikan kpd manusia yg sesiapa dikehendakinya.
- sentiasa beramal ilmu dan muja:

Calon mengemukakan pilihan jawapan yang salah dan menyimpang dari kehendak soalan iaitu soalan menghendaki usaha anda untuk mendapatkan hidayah tetapi calon menulis maksud dan hikmah hidayah. Ini menunjukkan calon tidak memahami kehendak soalan yang menyebabkan kekeliruan dalam persembahan jawapan.

Soalan 2(a)

(iii) Jelaskan dua peranan hidayah dalam kehidupan seseorang.

(iii) ^{Dua} Peranan hidayah dalam kehidupan manusia

- sebagai penyuluh kehidupan manusia agar ti dak terpesong daripada ajaran ^{agama yang} sebenar
- membantu manusia untuk mendekatkan diri kepada Allah
- hidayah membantu manusia untuk berubah ke arah kebaikan dan meninggalkan kejahatan
- hidayah membantu manusia untuk membezakan perkara yang hak dan yang batil

Calon mengemukakan pilihan jawapan yang banyak dan menepati dengan konsep soalan peranan dan mengemukakan banyak pilihan jawapan. Pelajar menjawab dengan sistematik dan baik. Susunan ayat calon juga bertepatan dengan kehendak kata tugas soalan "jelaskan".

iii) 2 peranan hidayah ialah

- menerangkan hati manusia agar jauh daripada melatukan perkara mungkar
- memberi petunjuk kepada manusia dalam melakukan sesuatu supaya lebih jelas dan nyata
- melapangkan dada manusia supaya tenang dalam apa-apa yang dilakukan.

Calon Sederhana mengemukakan jawapan baik yang menepati dengan konsep soalan peranan tetapi kurang pilihan jawapan. Calon memberikan dua isi jawapan yang berbeza dengan soalan iaitu "peranan" dan "hikmah". Ini menyebabkan calon mendapat markah separuh.

(iii) Dua peranan hidayah

- (1) Mendorong manusia ke jalan Allah s.w.t
- (2) Mengajar manusia.

Calon ini gagal memahami kehendak soalan. Calon memberikan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan jawapan hikmah bukannya peranan.

Hadis: Kehidupan di dunia ibarat seorang perantau

Soalan 2 (b) (i) Nyatakan maksud potongan hadis yang bergaris

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أُمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرُ الصَّبَاحَ، وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرُ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرْضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

(رواه البخاري)

Hadis di atas menerangkan kehidupan di dunia ibarat seorang perantau.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud potongan hadis yang bergaris.

bi - Buattah amal ibadah semasa hidup untuk persediaan ketika sakit.

Calon mengemukakan jawapan menepati dengan isi kandungan potongan hadis. (hidup di dunia ibarat seorang perantau). Ini menunjukkan calon menguasai isi pelajaran hadis (hidup di dunia ibarat seorang perantau) dengan baik.

b. i - maksud potongan hadis yang bergaris :
- membuat belcahan ke akibat semasa sihat .

Calon ini mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada maksud potongan hadis yang diberi (hadis hidup di dunia ibarat seorang perantau). Calon tidak memahami potongan hadis (hidup di dunia ibarat seorang perantau) yang diberi, justeru jawapan calon hanya merujuk kepada ingatan semata-mata.

(i) maksud potongan hadis yang bergaris
ialah sihat dan memudaratkan .

Calon lemah mengemukakan jawapan dengan menterjemah potongan hadis yang membawa maksud suruhan bukannya larangan, sedangkan soalan menghendaki perbuatan yang dilarang. Ini menggambarkan calon tidak memahami kehendak soalan dengan tepat.

Hadis: Kehidupan di dunia ibadat seorang perantau
Soalan 2 (b)

(ii) Jelaskan **dua** akibat menanggukkan urusan dalam kehidupan.

- ii) Akibat menanggukkan urusan dalam kehidupan
- Tidak dapat melakukan urusan secara efektif.
 - kerja akan semakin banyak yang tidak siap.
 - Menjadi kelam kabut apabila ingin menyiapkan urusan yang sudah lama tertunggah.
 - Membuang banyak masa dengan sia-sia.
 - Tidak disukai oleh masyarakat.
 - Mudah dimarahi oleh ketua.
 - Emosi menjadi tidak tenang dan mudah marah.

Calon mengemukakan jawapan yang banyak dan menepati kehendak soalan dan memberikan jawapan yang tepat serta banyak pilihan jawapan, disusun dengan baik dan diolah mengikut laras bahasa yang sesuai dengan konsep "akibat". Ini menunjukkan calon menguasai isi pelajaran dan konsep soalan "akibat" dengan tepat dan mantap.

- (i) Suka menanggungkan urusan
- (ii) pertama, masalah kita menjadi bertambah banyak
kedua, hidup menjadi tidak tenteram.
- (iii) membuat jadual untuk menguruskan masa dengan betul.

Calon mengemukakan alternatif jawapan yang betul tetapi mempunyai kurang pilihan jawapan. Jawapan calon ditulis secara ringkas sahaja. Ini menunjukkan calon kurang menguasai isi pelajaran hadis ini.

(ii) Dua akibat menanggungkan urusan

(1) Dibenci oleh Allah s.w.t

(2) Tidak disukai masyarakat

Calon mengemukakan jawapan yang tidak sistematik dan lemah penguasaan bahasanya. Pilihan jawapan calon jelas menunjukkan mereka keliru dengan kehendak soalan.

Hadis: Kehidupan di dunia ibadat seorang perantau

Soalan 2 (b)

(iii) Jelaskan cara pengurusan masa yang efektif.

(iii) Cara pengurusan masa yang efektif

- Meletakkan tempoh waktu bagi menyiapkan sesuatu tugas.

- Membuat jadual bagi urusan-urusan yang hendak dilakukan

- Menggunakan masa lapang untuk menyiapkan kerja tambahan

- Melakukan sesuatu tugas dengan pantas dan berkesan

- Menulis nota bagi tugas-tugas yang akan dilakukan.

Calon mengemukakan pilihan jawapan yang banyak dan ditulis dengan jelas, tepat sebagaimana yang dikehendaki tugas soalan. Ini menunjukkan calon memahami dan menghayati konsep (soalan cara) dengan baik. Calon ini juga menguasai isi pelajaran hadis hidup di dunia ibarat seorang perantau.

iii) cara Pengurusan masa yang efektif

a) membuat satu jadual harian

b) tidak membazirkan masa dengan benda yang tak berfaedah

Calon mengemukakan pilihan jawapan yang terhad dan sebahagiannya tidak menepati kehendak soalan. Ini adalah kerana calon keliru antara konsep cara dan contoh. Ini menunjukkan calon kurang menguasai isi pelajaran hadis secara terperinci.

Jelaskan cara pengurusan masa yang efektif.

*Bijak dalam pengurusan masa dengan seisi keluarga bekerja dan sebagainya.

Calon mengemukakan jawapan yang menyimpang dari kehendak soalan. Calon hanya mengulas secara umum pengurusan masa tanpa mengemukakan jawapan yang menepati dengan konsep cara pengurusan masa. Ini jelas menunjukkan calon gagal menguasai isi pelajaran hadis perantau.

(c)

| A | B | C | D |
|-------------|------------|---------|---------|
| تَوَكَّلْتُ | الْعَظِيمِ | حَرِيصٌ | رَسُولٌ |

Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D yang betul daripada jadual di atas.

Anda hanya perlu menulis nombor soalan dan jawapan sahaja.

| |
|---|
| لَقَدْ جَاءَكُمْ _____ (i) _____ مِنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ |
| _____ (ii) _____ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ |
| حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ _____ (iii) _____ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ |
| _____ (iv) _____ ﴿١٢٩﴾ |

(Surah at-Taubah: 128 – 129)

Surah al-Taubah ayat 128 - 129
Soalan 2 (c) Melengkapkan potongan ayat

| | | |
|----|------|---|
| c) | i) | D |
| | ii) | C |
| | iii) | A |
| | iv) | B |

Calon ini melengkapkan ayat 128 – 129 surah at-Taubah dengan tepat sebagaimana di dalam al-Quran. Ini menunjukkan menguasai ayat hafazan secara lisan dan bertulis.

| | |
|-------|---|
| (i) | C |
| (ii) | D |
| (iii) | A |
| (iv) | B |

Calon ini melengkapkan 128 – 129 surah at-Taubah hampir tepat. Ini kerana calon kurang menguasai ayat di atas secara bertulis yang mengakibatkan mereka keliru semasa memilih pilihan jawapan untuk melengkapkan tempat kosong.


| | |
|-------|---|
| (i) | C |
| (ii) | D |
| (iii) | A |
| (iv) | B |

Calon ini hanya melengkapkan tempat kosong dalam ayat 128 – 129 surah Taubah secara meneka sahaja. Ini menunjukkan calon tidak menguasai ayat sama ada secara lisan maupun bertulis.

Surah al-Mukminun: ayat 1 - 4

Soalan 3 (a) (i) Nyatakan dua ciri mukmin yang berjaya selain daripada menjauhi perbuatan sia-sia

3 (a) Firman Allah SWT:



Ayat di atas menjelaskan ciri-ciri mukmin yang berjaya.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** ciri mukmin yang berjaya selain daripada menjauhi perbuatan sia-sia.

(a) (i) Dua ciri mukmin yang berjaya selain daripada menjaui perbuatan sia-sia:-

(i) Menunaikan solat fardhu.

(ii) Berpuasa pada bulan Ramadhan.

(iii) Membayar zakat.

(iv) Tidak meniru dalam peperiksaan.

(v) Beriman kepada Allah s.w.t dan Rasul.

Calon cemerlang mempersembahkan jawapan dengan jelas, tepat dan menepati kehendak tugas iaitu ciri mukmin yang berjaya. Ini menunjukkan calon menguasai ayat 1 – 4 surah al-mukminun.

i) Dua ciri mu 12232 - 59 berjaya ialah:

- khusyuk dalam solat

- memelihara solat

- menunaikan zakat

- memelihara maruah diri

Calon ini mengemukakan fakta yang bercampur-campur antara ciri dan contoh dengan alternatif jawapan yang lebih. Ini menunjukkan calon kurang jelas mengenai konsep ciri dalam ayat di atas

(i) Dua ciri mukmin yang berjaya

(1) Mendapat keredhaan Allah s.w.t

(2) Meningkatkan kecemerlangan

Calon ini hanya mengemukakan jawapan yang kabur dan ringkas. Jawapan ini memerlukan tafsiran. Ini menunjukkan calon tidak memahami konsep ciri dan gagal menguasai isi kandungan ayat surah al-Mukminun ayat 1 – 4.

Soalan 3:(a) (ii) Senaraikan dua contoh perbuatan sia-sia

ii) Dua contoh perbuatan sia-sia ialah:

- melepak di pusat k 12232 - 62 1.

- mendengar lagu hingga melataikan

- bermain alat permainan video.

- melayari internet dan menonton perkara yang lucah.

- tidur ketika guru mengajar

Calon ini mengemukakan alternatif jawapan yang lebih banyak. Jawapannya jelas, mantap dan menepati kehendak soalan. Ini menunjukkan calon menguasai pengetahuan dan kemahiran berfikir dengan baik. Justeru jawapannya menepati konsep "contoh" yang dikehendaki dalam soalan

(ii) Dua contoh perbuatan sia-sia :-

(i) Berbual kosong semasa ketiadaan guru dalam kelas.

(ii) Bermain permainan video pada waktu lapang.

(iii) Melayari internet 'Facebook' berlebihan masa.

Calon ini mengemukakan jawapan yang menepati kehendak soalan tetapi isinya berulang. Ini menunjukkan calon kurang menguasai isi pelajaran surah al-mukminun ayat 1 – 4. Alternatif jawapan yang lebih daripada yang dikehendaki.

(ii) Dua contoh perbuatan sia-sia

(i) Menanggukkan urusan

(a) Tidak bekerja.

Calon ini mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan dengan pilihan yang terhad. Soalan menghendakkan calon menulis contoh tetapi mereka memberikan ciri yang tidak berkaitan dengan soalan. Ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran surah al-Mukminun ayat 1 - 4.

Soalan 3 (a)

(iii) Terangkan dua akibat perbuatan tersebut terhadap remaja sekolah.

(ii) Dua akibat perbuatan tersebut terhadap remaja sekolah ialah

- Gagal mencapai keputusan yang baik kerana lara dengan perkara yang sia-sia

- Ketinggalan pelajaran kerana sentiasa membazir masa dengan melepak di tepi jalan

- Mudah terjebak dengan maksiat kerana terpengaruh dengan sikap rakan yang suka melakukan perkara tidak berfaedah

- Terubat dengan masalah disiplin kerana sering ponteng sekolah

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang banyak dan menepati dengan konsep soalan akibat iaitu memerlukan jawapan negatif. Calon ini juga dapat mengemukakan fakta dan huraian yang lengkap dan mantap bertepatan dengan konsep kata tugas soalan (terangkan). Ini menunjukkan calon menguasai isi pelajaran surah al-Mukminun ayat 1 – 4 dengan baik.

- (iii) Dua akibat perbuatan tersebut kepada remaja
- ① Sukar Remaja sekolah ~~suat~~ sukar untuk memparaleh keputusan yang cemerlang kerana tidak menggunakan masa dengan sebaiknya
 - ② Remaja sekolah mudah terjerumus atau mudah terdedah dengan gejala sosial kerana ~~kerap~~ kerap melakukan perkara yang sia-sia

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang hampir tepat dengan pilihan jawapan yang terhad. Calon jelas dengan konsep kata tugas soalan terangkan tetapi huraiananya agak meleret.

- (ii) Dua akibat perbuatan tersebut
- (1) Hidup tidak aman
 - (2) masalah akan berkekalan.

Calon ini mengemukakan jawapan yang terlalun ringkas tanpa huraian. Ini menunjukkan calon keliru dengan konsep tugas soalan terangkan. Ini juga berkemungkinan calon tidak menguasai isi pelajaran dengan baik.

Hadis: Orang beriman kekasih Allah

Soalan 3 (b) (i) Nyatakan maksud wali Allah menurut istilah syarak

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنَنِي بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحَبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَيَبْصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطِيَنَّه وَلَعِنَ اسْتَعَاذَنِي لِأُعِيدَنَّه.

(رواه البخاري)

Hadis di atas menjelaskan bahawa Allah SWT akan memerangi orang yang memusuhi wali-Nya.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud wali Allah menurut istilah syarak.

Wali Allah ialah orang masa yang beriman, bertaqwa dan sentiasa mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya.

Calon mengemukakan jawapan yang tepat, jelas, lengkap dan menepati kehendak soalan. Calon memahami kehendak soalan iaitu maksud perkara ghaib dengan baik. Ini menunjukkan calon menguasai kandungan hadis orang beriman kekasih Allah dengan baik.

(b) wali ialah orang yang mentaqi, bertawakkal dan berserah diri kepada Allah samada zahir dan batin.

Calon mengemukakan jawapan yang hampir tepat tetapi sebahagian jawapan tidak dinyatakan dengan terperinci. Calon ini mempunyai kefahaman yang agak terhad mengenai mengenai kefahaman hadis di atas.

(b) i. maksud wali Allah ialah orang yang beriman

Calon ini mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada yang dikehendaki. Soalan meminta calon menjelaskan maksud wali tetapi jawabannya langsung tidak berkaitan.

Soalan 3 (b)

(ii) Senaraikan dua ciri wali tersebut.

ii) Dua ciri wali ialah

- Cinta akan agama Islam
- Sentiasa mengutamakan Allah ialah daripada harta dunia
- Sanggup tidak berkahwin kerana terlalu menyayangi Allah
- Membenci kekufuran
- Istiqamah dalam melaksanakan perintah Allah
- Sentiasa mendirikan solat
- Sentiasa melaksanakan amar makruf nahi mungkar

Calon mengemukakan jawapan yang baik dan menepati kehendak soalan iaitu ciri wali. Mereka juga mengemukakan pilihan jawapan yang banyak dan disusun dengan baik dan teratur. Ini menunjukkan calon ini menguasai isi pelajaran hadis (orang beriman kekasih Allah) dengan baik. Calon ini jelas memahami konsep ciri dengan baik dan mantap.

(iii) Dua pengajaran daripada hadis ialah :

- ① Kita mestilah patuh kepada pemimpin kita agar sesuatu organisasi dapat berjalan dengan lancar
- ② Kita patutlah bersikap bertanggungjawab atas amanah yang telah diberikan supaya ~~ia~~ dapat mengekalkan kestabilan sesebuah organisasi
- ③ Kita janganlah mudah berputus asa dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan kerana orang yang mudah putus asa adalah orang yang rugi.

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang lebih menepati konsep pengajaran tetapi fokus isi agak menyimpang daripada isi kandungan hadis orang beriman kekasih Allah SWT.

iii) Dua pengajaran daripada hadis ialah :

- Kita perlulah mengikut segala perintah Allah S.W.T
- Kita mesti menghormati wali Allah S.W.T
- Masyarakat perlu ~~meninggalkan~~ meninggalkan amalan mazmumah dan mengamalkan mahmudah

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang lebih menepati konsep pengajaran tetapi isi menyimpang daripada kandungan hadis orang beriman kekasih Allah SWT.

Surah al-An'am 162 – 163 dan surah al-Nur: 35
Soalan 3 (c) Melengkapkan potongan ayat

- (c) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu A dan B.
Pilih jawapan yang betul daripada potongan kalimat tersebut supaya menjadi ayat yang lengkap seperti dalam al-Quran.

Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (A atau B) sahaja.

| | |
|-------|---|
| (i) | <p>قُلْ إِنَّ (الصَّلَاةَ) (صَلَاتِي) وَنُفْسِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ (B) (A) الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾</p> <p>(Surah al-An'am: 162)</p> |
| (ii) | <p>لَا شَرِيكَ لَهُ، وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ (الْمُسْلِمِينَ) (الْمُؤْمِنِينَ) ﴿١٦٣﴾ (B) (A)</p> <p>(Surah al-An'am: 163)</p> |
| (iii) | <p>الْمُصْبِحُ فِي (رُجَا جَةٍ) (كَوْكَبٍ) ... ﴿٣٥﴾ (B) (A)</p> <p>(Surah an-Nur: 35)</p> |
| (iv) | <p>وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ (قَدِيرٌ) (عَلِيمٌ) ﴿٣٥﴾ (B) (A)</p> <p>(Surah an-Nur: 35)</p> |

| | |
|-------|---|
| (i) | B |
| (ii) | A |
| (iii) | A |
| (iv) | B |

Calon ini mengemukakan jawapan yang tepat. Ini menunjukkan calon menguasai ayat hafazan surah an-Nur ayat 35 dan surah al-An'am ayat 162 - 163 dengan baik.

| | |
|-------|---|
| (i) | B |
| (ii) | A |
| (iii) | A |
| (iv) | A |

Calon mengemukakan jawapan yang kurang tepat. Calon cuma meneka jawapan. Ini menunjukkan calon kurang menguasai ayat hafazan surah an-Nur ayat 35 dan surah al-An'am ayat 162 - 163

potongan ayat
(i) A
(ii) A
(iii) A
(iv) A

Calon mengemukakan jawapan dengan meneka sahaja. Ini menunjukkan calon tidak tahu membaca al-Quran. Justeru gagal menghafalnya.

Surah at-Taubah ayat 6

Soalan 4 (a) (i) Nyatakan dua bentuk layanan tersebut

4 (a) Firman Allah SWT:

وَأَنَّ أَحَدًا مِّنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجْرُهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ ابْلِغْهُ
مَأْمَنَهُ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

(Surah at-Taubah: 6)

Ayat di atas memerintahkan umat Islam supaya memberi layanan baik kepada orang bukan Islam.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan **dua** bentuk layanan tersebut.

Dua bentuk layanan kepada orang bukan Islam:

- Memberikan tempat tinggal atau kewangan.
- Menyerahkan tentang Islam.
- Memberi sokongan moral.
- Menunjukkan contoh yang baik.

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang menepati kehendak soalan. Jawapannya jelas, tepat serta disusun atur dengan kemas. Ini menunjukkan calon menguasai isi kandungan surah al-Taubah ayat 6 dengan baik.

- 21) memberi layanan yang baik terhadap orang bukan Islam.
- Tidak menggunakan bahasa yang kesat terhadap orang bukan Islam ketika memberi layanan.
 - Memberi senyuman dan memamiskan muka ketika memberi layanan kepada orang bukan Islam.

Calon ini berusaha menjawab tetapi kurang tepat. Jawapannya lebih berbentuk olahan dan ulasan secara umum kepada konsep layanan. Ini menunjukkan calon kurang menguasai kefahaman surah al-An'am ayat 6.

Dua bentuk layanan tersebut :-

layanan haruslah secara adil.

Dari segi kebajikan mereka.

Calon ini gagal memberi jawapan yang betul. Mereka hanya mengulas layanan tanpa mengemukakan bentuk-bentuk yang dikehendaki. Ini menunjukkan calon keliru antara konsep, bentuk dan huraian. Ini menggambarkan mereka langsung tidak menguasai kefahaman ayat 6 surah at-Taubah.

Soalan 4 (a)

(ii) Jelaskan **dua** kepentingan memberi layanan baik kepada mereka.

ii. Dua kepentingan memberi layanan baik :

- Islam akan dicontohi agama lain kerana kesopanan dan kemurnian Islam yang berakhlak mulia.
- Dipandang tinggi oleh penganut agama lain kerana dijadikan teladan.
- Dapat menarik perhatian penganut agama lain terhadap Islam supaya memeluk Islam.
- Mereka akan mempunyai pandangan yang baik terhadap Islam kerana sudah faham tentang Islam drbetulkan.

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang mantap dan jelas serta menepati kehendak soalan. Calon juga mengemukakan pilihan jawapan yang banyak dan betul. Ini menunjukkan mereka jelas mengenai konsep soalan "kepentingan" yang menghendaki calon menjawab kebaikan atau kelebihan layanan baik yang terdapat dalam ayat 6 surah at-Taubah.

- ii) - ~~Sup~~ Orang bukan Islam akan tertarik dengan agama Islam.
- menunjukkan bahawa agama Islam merupakan agama yang bagus untuk dianuti
 - Supaya mereka merasa tenteram dan menghormati kita sebagai orang Islam serta ~~meny~~ mereka akan menghormati dan menyanjunggi agama Islam.

Calon ini mengemukakan beberapa pilihan jawapan tetapi tidak menepati dengan kehendak soalan yang meminta "kepentingan" layanan baik yang terkandung dalam ayat 6 surah al-Taubah. Ini menunjukkan calon kurang menguasai isi kandungan surah berkenaan yang menyebabkan jawapannya berulang.

- ii) - Dihormati dalam Islam supaya memberi layanan yang baik kepada orang bukan Islam
- Dapat menjaga reputasi agama Islam agar dipandang mulia oleh orang bukan Islam

Calon ini keliru dengan tugas soalan yang meminta mereka mengemukakan respon "kepenting" atau kebaikan layanan baik. Justeru jawapan yang diberikan menyimpang dari tugas sebenar. Ini kerana calon tidak menguasai ayat fahaman ayat 6 surah al-Taubah.

Soalan 4 (a) (iii) Terangkan dua pengajaran daripada ayat di atas

- iii. Pengajaran ayat
- Umat Islam wajib memberi layanan yang baik terhadap orang bukan Islam yang meminta perlindungan seperti memberi tempat tinggal.
 - Kita wajib menunjukkan contoh teladan yang baik kepada orang bukan Islam agar dihormati oleh mereka.
 - Umat Islam wajib membimbing orang bukan Islam yang meminta pertolongan selepas memeluk Islam supaya keyakinan ~~mer~~ bertambah.

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang menepati dengan **konsep soalan pengajaran** iaitu memulakan dengan kita hendaklah. Calon ini juga dapat membina ayat lengkap yang mengandungi fakta dan huraian yang disusun kemas dan teratur bertepatan dengan kata tugas "jelaskan" berdasarkan kefahaman ayat 6 surah al-Taubah.

- iii) - Kita harus memberi layanan yang baik kepada orang ~~baik~~ bukan Islam.
- Kita wajib memberi ^{perlindungan} ~~pertolongan~~ kepada ~~kepada~~ orang bukan Islam jika mereka meminta berbuat sedemikian.
- Kita harus menghormati ~~antara satu~~ agama ^{lain} ~~lain~~ agama Islam dan ^{menghormati} ~~antara~~ satu sama lain.

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang lebih tetapi bercampur-campur. Calon jelas dengan **konsep soalan pengajaran** iaitu memulakan dengan kita hendaklah tetapi tidak dapat mengemukakan fokus utama ayat 6 surah al-Taubah yang menyebabkan jawapan mereka tidak diterima.





- ii) - Kita hendaklah sentiasa memberikan layanan yang baik kepada orang ~~baik~~ ke Islam mahupun orang bukan Islam.
- Kita hendaklah menjaga agama Islam kerana agama Islam adalah agama yang suci.

Calon ini mengemukakan jawapan yang tersasar daripada isi utama ayat 6 surah al-Taubah. Calon jelas dengan **konsep soalan pengajaran** iaitu memulakan dengan kita hendaklah tetapi tidak dapat memberikan jawapan yang betul kerana tidak menguasai isi pelajaran.

Soalan 4 (b) Hukum Tajwid: Mad Arid lis Sukun, Mad Jaiz munfasil, Idgham Mislain dan Mad Silah Qasirah

- (b) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu A dan B.
Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris di bawah.

Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (A atau B) sahaja.

| No. | Potongan Ayat al-Quran | Hukum Tajwid | |
|-------|--|--------------------|---------------------|
| | | A | B |
| (i) |  (Surah al-An'am: 24) | Mad Wajib Muttasil | Mad Aridh Lissukun |
| (ii) |  (Surah al-An'am: 34) | Mad Jaiz Munfasil | Mad Wajib Muttasil |
| (iii) |  (Surah at-Taubah: 101) | Idgham Mislain | Idgham Maal Ghunnah |
| (iv) |  (Surah at-Taubah: 117) | Mad Silah Tawilah | Mad Silah Qasirah |

| |
|--------|
| i. B |
| ii. A |
| iii. A |
| iv. B |

Calon ini menguasai kemahiran tajwid dengan baik kerana dapat membezakan antara hukum Mad Arid lis Sukun, Mad Jaiz munfasil, Idgham Mislain dan Mad Silah Qasirah. Justeru calon dapat mengemukakan jawapan dengan tepat dan betul.

- b) i) B
ii) A
iii) A
iv) A

Calon ini kurang menguasai kemahiran tajwid dengan baik. Justeru calon keliru dengan hukum Mad Arid lis Sukun, Mad Jaiz munfasil, Idgham Mislain dan Mad Silah Qasirah. Oleh itu mereka tidak dapat mengemukakan jawapan dengan tepat dan betul.

| |
|-----------|
| (b) i - B |
| ii - B |
| iii - B |
| iv - B |

Calon ini tidak menguasai kemahiran tajwid dan gagal membezakan Mad Arid lis Sukun, Mad Jaiz munfasil, Idgham Mislain dan Mad Silah Qasirah. Justeru calon hanya meneka jawapan sahaja.

Soalan 4 (c) Menulis Jawi. Menulis petikan rumi ke dalam tulisan jawi

(c) Tulis semula petikan di bawah dalam tulisan jawi.

Insurans adalah satu kumpulan yang berikrar untuk mengumpul dan mengemblem usaha serta sumber bagi mengadakan pakatan untuk saling bekerjasama dan tolong-menolong apabila ditimpa musibah.

اينسورانس اءاله ساتو كومقولن يخ بر اكرار اونوق مغومقول
 دان مغممبلغ اوسها سرتا سومبر باكي مءادكن فاكتن اونوق
 ساليغ بكر جاسام دان تولوغ - منولوغ اءابلا دئمفا مصيبة .

Calon ini menjawab petikan rumi dengan betul dan tepat. Calon juga menggunakan kaedah jawi Dewan Bahasa dan Pustaka. Ini jelas menunjukkan calon menguasai sepenuhnya kemahiran tulisan jawi seperti penulisan suku kata terbuka tertutup, imbuhan akhiran "an", kata ulang, perkataan tradisi, kata serapan Arab dan kata pinjaman bahasa Inggeris.

اينسورانس اءاله ساتو كومقولن يخ بر اكرار اونوق
 مغممقول دان مغممبلغ اوسها سرتا سومبر باكي
 مءادكن فاكتن اونوق ساليغ بكر جاسام دان
 تولوغ - منولوغ اءابلا دئمفا مصيبة .

Calon ini menulis sebahagian daripada petikan rumi ke dalam tulisan jawi tetapi kurang menepati kaedah jawi Dewan Bahasa dan Pustaka. Ini jelas menunjukkan calon belum menguasai sepenuhnya kemahiran tulisan jawi terutama imbuhan akhiran "an", penulisan suku kata terbuka, tertutup, kata serapan Arab dan kata imbuhan.

نَسْرُونَ اَدْلَع سَانُو كَوْمَقُولِن بَحْ اوسوك دار
 اوسوك سرتا سونبر باكي قالكاتو اوسوك سلبخ
 دار تولوع - ممولوع اوليلا

Calon ini hanya menulis sebahagian petikan sahaja. Mereka gagal menguasai sebahagian besar kemahiran jawi termasuk imbuhan akhiran "an", penulisan suku kata terbuka, tertutup, kata serapan Arab dan kata imbuhan serta kata pinjaman bahasa Inggeris.

5 (a) Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ
 زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ
 زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ
 أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ
 نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرَ أُولِي الْإِرْتَبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ
 الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ... ﴿٣١﴾

(Surah an-Nur: 31)

Potongan ayat di atas melarang kaum wanita memperlihatkan perhiasan diri kepada orang bukan mahram kecuali yang zahir.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Senaraikan dua golongan yang diharuskan melihat aurat wanita.

1- Golongan yang diharuskan melihat aurat wanita ialah:
 • orang lelaki mahram
 • wanita yang sama agama
 • ahli keluarga
 • suami

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang banyak dan menepati kehendak soalan "golongan yang diharuskan melihat aurat wanita". Soalan ini memerlukan calon menulis contoh golongan yang diharuskan melihat aurat wanita. Menunjukkan calon menguasai kehendak soalan berdasarkan kefahaman surah an-Nur ayat 31.

i) Golongan yang diharuskan melihat aurat wanita:

- Mahramnya

- doktor (perawat)

- suami

- keluarga susuan

Calon ini mengemukakan alternatif jawapan yang terhad dan sebahagian jawapannya terlalu umum serta tidak menepati kehendak soalan iaitu konsep "golongan yang diharuskan melihat aurat wanita". Ini menunjukkan calon kurang menguasai isi pelajaran surah an-Nur ayat 31.

(i) guru

(2) Tukang jahit

Calon ini mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Pilihan jawapan calon jelas menunjukkan mereka keliru dengan kehendak soalan yang meminta calon menulis "golongan yang diharuskan melihat aurat wanita".

Soalan 5 (a)

(ii) Jelaskan **dua** sebab Islam melarang wanita mendedahkan aurat mereka kepada lelaki bukan mahram.

i- Sebab Islam melarang wanita mendedahkan aurat mereka kepada lelaki bukan mahram ialah:

• wanita tersebut dapat menjaga kehormatan diri supaya nama baik diri dan keluarga tidak tercemar.

• mengelakkan berlakunya zina iaitu perkara yang berdsq besar serta dapat memalukan maruah keluarga.

Calon ini mengemukakan jawapan yang jelas dan menepati kehendak soalan. Pilihan jawapan disusun dengan baik, kemas mengikut struktur ayat yang lengkap bersesuaian dengan kata tugas "jelaskan". Calon ini juga memahami konsep sebab larangan yang menghendaki keburukan mendedahkan aurat. Ini menunjukkan calon menguasai isi pelajaran surah an-Nur ayat 31, Batas Pergaulan Dalam Islam dengan baik.

ii- Sebab Islam melarang wanita mendedahkan aurat mereka kepada lelaki bukan

mahram ialah:

- wanita tersebut dapat menjaga kehormatan diri supaya nama baik diri dan keluarga tidak tercemar.
- mengelakkan berlakunya zina ya iaitu perkara yang berdosa besar serta dapat memalukan maruah keluarga.

Calon ini memberi pilihan jawapan yang kurang menepati kehendak soalan. Calon ini kurang memahami konsep "sebab larangan" yang menghendaki keburukan mendedahkan aurat. Ini menunjukkan kurang menguasai isi pelajaran surah an-Nur ayat 31, Batas Pergaulan Dalam Islam.

ii - Dua sebab ialah :

- supaya tidak zina
- jatuh maruah

Calon ini memberi pilihan jawapan yang ringkas tanpa huraian. Jawapan yang dikemukakan hanya sebahagian menepati kehendak tugas soalan iaitu "sebab larangan. Ini menunjukkan calon tidak menguasai kandungan surah an-Nur ayat 31 .

Soalan 5 (a)

(iii) Terangkan **dua** cara berpakaian bagi wanita yang dituntut oleh Islam.

ii- Cara berpakaian bagi wanita yang dituntut oleh Islam ialah:

- pakaian yang ketat sehingga boleh menampakkan susut tubuh badan wanita tersebut.
- pakaian yang tidak girang sehingga menampakkan aurat wanita tersebut.
- pakaian yang bercorak sederhana supaya tidak menarik perhatian orang lain.

Calon ini mengemukakan pilihan jawapan yang menepati dengan **konsep soalan "cara"** apabila memulakan jawapan dengan kosa kata perbuatan. Mereka juga membina ayat lengkap dengan huraian yang disusun dengan teratur, kemas bertepatan dengan kata tugas jelaskan berdasarkan kefahaman ayat 31 surah an-Nur.

iii) Cara berpakaian bagi wanita:

- menutup seluruh tubuh kecuali tapaktangan dan muka
- memakai pakaian yang longgar dan tidak jarang

Calon ini mengemukakan jawapan yang sebahagian menepati dengan konsep soalan "cara" dan bersesuaian dengan kefahaman ayat 31 surah an-Nur. Ini menunjukkan calon kurang menguasai isi pelajaran surah an-Nur ayat 31 dengan baik.

iii - Dua cara berpakaian :

- pakai sederhana
- pakai nipis
- pakaian labuh

Calon ini keliru dengan konsep "cara" yang dikehendaki dalam soalan. Calon mengemukakan contoh pakaian bukannya cara berpakaian. Justeru jawapan yang diberi menyimpang daripada kehendak tugas soalan.

Soalan 5: (b) Kemahiran Tajwid

Menulis potongan ayat yang mengandungi hukum nun mati dan tanwin dan nyatakan hukumnya

(b) Firman Allah SWT:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥﴾ وَالَّذِينَ
يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنْفُسُهُمْ فَشَهَدَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ
شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٦﴾ وَالْخَمِيسَةَ أَنْ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ
كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٧﴾

(Surah an-Nur: 5 - 7)

Tulis tiga potongan kalimah daripada ayat-ayat al-Quran di atas yang mengandungi nun mati (نْ) atau tanwin dan nyatakan hukumnya.

b)

i- مِنْ بَعْدِ - Iqlab - dibaca dengung samar-samar

ii- يَكُنْ كَلِمَةً - Idgham Bila Ghunnah - dibaca dengan hukum iqlab jelas

iii- عَفْوَرٌ كَثِيرٌ - Idgham Bila Ghunnah - dibaca jelas

iv- إِنْ كَانَ - Ikhfa Hakiki-

Calon ini menguasai kemahiran tajwid dengan baik khusus a nun mati dan tanwin seperti iqlab, ikhfa hakiki dan idgham bilaghunnah. Justeru calon dapat mengemukakan jawapan dengan tepat dan betul.

b) i) مِنْ بَعْدِ - Iqlab

ii) يَكُنْ كَلِمَةً - Idgham bilaghunnah

iii) إِنْ كَانَ - Idgham maalgunnah

Calon ini kurang menguasai kemahiran tajwid khususnya nun mati dan tanwin. Justeru calon mengemukakan sebahagian jawapan dengan betul kerana calon keliru antara Ikhfa hakiki dan idgham maal ghunnah.

كَلِمَةً كَثِيرَةً

إِنْ كَانَ

وَأَخْبَسَهُ أَنْ

Calon ini gagal mengemukakan jawapan yang menepati dengan kehendak soalan. Ini menunjukkan mereka tidak menguasai kemahiran tajwid khususnya hukum nun mati dan tanwin. Justeru calon hanya menyalin potongan ayat al-Quran sebagai jawapan.

Soalan 5 (c) Kemahiran merumikan – menulis petikan jawi ke dalam tulisan rumi

(c) Tulis semula pernyataan di bawah dalam tulisan rumi.

| | |
|-------|--|
| (i) | طلاق یغ دهاروسکن اسلام هندقله دلقساناکن دغن قنوه کسدرن دان بلس کاسیهن. |
| (ii) | ابن خلدون تګون ممقلاجري قلوباګاي علمو فرض عين دان فرض کفاية سحق کچیل. |
| (iii) | کمودهن عوام یغ دسدیاکن هندقله دکوناکن دغن سباءیق-باءیقن سوقایا مشارکت مندافت منفعت. |
| (iv) | الله منجنجیکن قهالا دان کنجرن شرک کقد مریک یغ منطاعی کدوا ایو باف. |

i- Talak yang diharuskan Islam hendaklah dilaksanakan dengan penuh kesedaran dan belas kasihan.

ii- Ibnu Khaldun tekun mempelajari pelbagai ilmu & fardhu ain dan fardhu kifayah sejak kecil.

iii- Kemudahan awam yang disediakan hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya supaya masyarakat mendapat manfaat.

iv- Allah menjanjikan pahala dan ganjaran syurga kepada mereka yang mentaati kedua ibu bapa.

Calon ini merumikan petikan jawi dengan betul dan tepat. Calon juga menggunakan kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka. Ini jelas menunjukkan calon menguasai sepenuhnya kemahiran membaca jawi seperti perkataan suku kata terbuka tertutup, imbuhan akhiran "an", penulisan huruf hamzah, perkataan tradisi, kata serapan Arab dan kata pinjaman bahasa Inggeris.

- i - Kerja yang diharuskan Islam hendaklah dilaksanakan dengan penuh kesedaran dan bahasa kesusahan.
- ii - Kita menurtaikan perintah mengujakan melakukan amalan fardu ain dan fardu kifayah secara terperinci.
- iii - Kemudahan awam yang disediakan hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya supaya masyarakat mendapat manfaat.
- iv - Allah menjanjikan pahala dan kejadian syurgaz kepada mereka yang mentaati kedua ibu bapa.

Calon ini merumikan petikan jawi dengan sebahagian betul. Calon juga kurang menguasai kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka seperti perkataan suku kata terbuka tertutup, imbuhan akhiran "an", penulisan huruf hamzah, perkataan tradisi, kata serapan Arab dan kata pinjaman bahasa Inggeris.

c (i) dengan Islam dan yang

(ii) dan janganlah kita

(iii) yang kita

(iv) yang Allah itu dan

Calon ini merumikan hanya mampu menulis beberapa petikan jawi yang mudah. Calon juga gagal menguasai kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka seperti kemahiran asas padanan huruf jawi dan rumi, perkataan suku kata terbuka tertutup, imbuhan akhiran "an", penulisan huruf hamzah, kata serapan Arab dan kata pinjaman bahasa Inggeris.

SARANAN KEPADA CALON

Sebelum peperiksaan

1. Membuat nota dalam bentuk peta minda supaya mudah mengingat.
2. Membiasakan menjawab soalan KBKK.
3. Menghafaz ayat hafazan.
4. Memahami isi kandungan ayat kefahaman dan hadis dengan baik.
5. Membuat latih tubi soalan pengajaran ayat dan hadis, hikmah, sebab larangan, sebab suruhan dan kesan berdasarkan konsep sebenar pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.
6. Menguasai hukum tajwid dan cara bacaan.
7. Membuat latih tubi menulis jawi mengikut kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Semasa Peperiksaan

1. Membaca arahan soalan dengan teliti.
2. Membaca soalan dengan menggunakan nada yang betul supaya mudah memahami kehendak soalan.
3. Merangka jawapan terlebih dahulu sebelum menjawab.
4. Memahami kata tugas soalan.
5. Mengemukakan jawapan yang diberi mengikut kata tugas soalan.
6. Menjawab soalan jawi dengan mengikut kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Mengemukakan alternatif jawapan melebihi kehendak soalan.
8. Persembahkan jawapan hendaklah teratur dan sistematik.
9. Memulakan jawapan dengan menulis kata kunci soalan.
10. Menggunakan pen dakwat hitam dan biru yang terang.
11. Tuliskan hendaklah kemas dan boleh dibaca.
12. Menjawab soalan dalam buku jawapan mengikut urutan nombor soalan.

Selesai menjawab

1. Semak semula jawapan pada semua soalan.
2. Ikat kertas jawapan dan helaian tambahan (jika ada) dengan benang yang disediakan dengan simpul mati bukan simpul riben.
3. Hantar kertas jawapan apabila diarah berbuat demikian.
4. Akhiri dengan kalimah Alhamdulillah dan bertawakkal kepada Allah.

SARANAN KEPADA GURU

1. Menguasai Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan dan Buku Teks.
2. Menggunakan buku teks sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. Mengajar mengikut objektif Sukatan Pelajaran mengikut Huraian Sukatan Pelajaran (HSP).
4. Menyelesaikan sukatan pelajaran lebih awal mengikut Rancangan Tahunan.
5. Memastikan semua tajuk dalam sukatan pelajaran dipelajari oleh murid.
6. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran mengikut kesesuaian tajuk.
7. Memastikan murid dapat membezakan konsep-konsep asas dalam Pendidikan Islam seperti maksud, ciri, contoh, sebab berlaku, sebab larang, hikmah larangan, pengajaran dan lain-lain yang berkaitan dengan baik.
8. Memberi pendedahan yang jelas dan tepat tentang istilah-istilah Bahasa Arab yang terdapat di dalam buku teks untuk mengelakkan kekeliruan murid.
9. Lakukan program latih-tubi secukupnya terutamanya soalan pengajaran dan maksud potongan ayat ,kemahiran jawi dan tajwid secara berterusan.
10. Menguasai teknik menjawab soalan Pendidikan Islam dengan betul dan jelas.
11. Dapatkan soalan-soalan peperiksaan percubaan negeri-negeri lain.
12. Menyediakan soalan mengikut JSU dan menanda skrip jawapan murid mengikut kaedah penandaan yang betul.